



FAMILY-FOCUSED



PENANG  
2030

# DASAR KELUARGA SELAMAT

## PULAU PINANG 2020





# KANDUNGAN

<b>MS</b>	<b>Perkara</b>
<b>1-2</b>	Perutusan
<b>3-5</b>	Pengenalan
<b>5-6</b>	Rasional Dasar Keluarga Selamat Pulau Pinang
<b>6</b>	Prinsip Dasar Keluarga Selamat Pulau Pinang
<b>7</b>	Teras Strategik Dasar Keluarga Selamat Pulau Pinang
<b>7-8</b>	Strategi Pelaksanaan Dasar Keluarga Selamat Pulau Pinang
<b>9</b>	Penutup

# PERUTUSAN KETUA MENTERI PULAU PINANG

YAB Chow Kon Yeow  
*Ketua Menteri Pulau Pinang*



Dalam usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mendepani permasalahan berkaitan keganasan domestik, Pulau Pinang menerajui sekali lagi dengan memperkenalkan Dasar Keluarga Selamat (*Safe Family Policy*) sebagai langkah awal dalam mewujudkan khidmat sokongan (*First Support Point*) di kaunter agensi-agensi Kerajaan Negeri.

Stigma serta kurangnya pemahaman dan pendedahan berkaitan keganasan rumah tangga telah menyebabkan masyarakat mengambil pendekatan yang pasif terhadap isu ini. Keganasan rumah tangga bukan lagi menjadi masalah individu tetapi ia perlu diselesaikan secara bersama dalam keadaan yang penuh harmoni. Istilah seperti “tidak mahu jaga tepi kain orang” dan “bukan masalah mereka” sudah tidak relevan dan perlu dihapuskan dalam kehidupan masyarakat masa kini.

Statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) juga telah membuktikan bahawa sejumlah 343 kes keganasan rumah tangga telah dilaporkan di Pulau Pinang pada tahun 2019, semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pula sejumlah 33 kes telah dilaporkan di Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang memandang serius mengenai statistik ini dan adalah menjadi hasrat Pulau Pinang untuk terus memberikan komitmen untuk menawarkan khidmat sokongan bagi menangani isu Keganasan Domestik selaras dengan hasrat Visi Penang2030 - **Merangsang penyertaan belia, wanita dan warga emas dalam kehidupan masyarakat** dapat direalisasikan dengan sewajarnya.

Sekian, terima kasih.



## PERUTUSAN EXCO PULAU PINANG

### YB Puan Chong Eng

*EXCO Pembangunan Sosial  
dan Hal Ehwal Bukan Islam  
Negeri Pulau Pinang*

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyediakan *Dasar Keluarga Selamat Pulau Pinang* untuk menangani kes keganasan rumah tangga dengan mewujudkan suatu sistem khidmat sokongan (*first support point*) di setiap kaunter agensi-agensi Kerajaan Negeri bagi memudahkan mangsa keganasan domestik mendapatkan bantuan yang sewajarnya. Inisiatif ini bukan sahaja di peringkat agensi-agensi Kerajaan, malah ianya termasuk pejabat pusat khidmat ADUN, pertubuhan agama, NGO dan lain-lain di peringkat akar umbi.

Dengan pelaksanaan dasar ini, Kerajaan Negeri berharap untuk memainkan peranan dalam mengubah corak pemikiran masyarakat dan memberi penyedaran kepada masyarakat mengenai betapa pentingnya penglibatan seseorang itu dalam menangani keganasan domestik akan dapat menyelamatkan nyawa mangsa tersebut.

Dasar Keluarga Selamat ini juga adalah selaras dengan visi Penang2030 iaitu "*Enhance Welfare and Care System*" dan "*Boost Participation of Youth, Women and Seniors in Community Life*".

Marilah sama-sama kita mengalas amanah ini, serta memberi sokongan kepada polisi ini, agar kita dapat menghantar suatu mesej yang jelas kepada masyarakat bahawa **Negeri Pulau Pinang tidak akan sama sekali menolak ansur dengan keganasan domestik!**



# 1.0 PENGENALAN

**1.1** Dasar yang dibangunkan ini merangkumi dua (2) perkataan iaitu "Keluarga" dan "Selamat". Keluarga bermaksud sekumpulan manusia yang hidup bersama dan mempunyai hubungan darah, ikatan perkahwinan dan ikatan lain. Selamat bermaksud terpelihara daripada sebarang bahaya. Oleh itu, Keluarga Selamat bermaksud sekumpulan manusia yang hidup bersama dan terpelihara daripada sebarang bentuk bahaya atau ancaman.

**1.2** Sebagai usaha untuk membentuk Keluarga Selamat di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah membangunkan dasar ini bagi menangani kes keganasan rumah tangga yang berlaku dengan berkesan seiring dengan perundangan yang telah dibangunkan.

**1.3** Antara peruntukan undang-undang yang berkaitan dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan institusi keluarga adalah seperti berikut :

- a) *Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521];*
- b) *Kanun Kesenakan [Akta 574];*
- c) *Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593]*
- d) *Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [Enakmen 4 Tahun 2004];*
- e) *Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 [Akta 164];*





- f) *Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611];*
- g) *Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga 1966 (Disemak 1988) [Akta 352];*
- h) *Akta Kaunselor 1988 [Akta 580];*
- i) *Akta Perempuan Bersuami dan Anak-Anak (Penguatkuasaan Nafkah) 1968 (Disemak 2017) [Akta 794]; dan*
- j) *Akta Perempuan Bersuami 1957 (Disemak 1990) [Akta 450].*

**1.4** Keganasan Rumah Tangga boleh memutuskan hubungan kekeluargaan dan memusnahkan masa depan anak-anak sekiranya tiada tindakan diambil untuk menanganinya dalam kadar segera. Bagi membolehkan tindakan segera diambil, sebuah sistem sokongan berasaskan komuniti yang merangkumi peranan agensi kerajaan, masyarakat, pertubuhan agama, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan sebagainya perlu dibentuk.



**1.5** Dasar yang dibangunkan ini dapat memperkukuhkan peranan agensi kerajaan, masyarakat, pertubuhan agama, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan sebagainya untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dalam membendung keganasan rumah tangga bagi membentuk Keluarga Selamat di Pulau Pinang. Penyediaan sistem sokongan ini adalah bertepatan dengan strategi inisiatif Penang2030:

**A3** – *Enhance Welfare and Care System* di bawah Penang2030 dan strategi inisiatif

**C2** – *Boost Participation of Youths, Women and Seniors in Community Life.*

## **2.0 RASIONAL DASAR KELUARGA SELAMAT PULAU PINANG**

**2.1** Penggubalan Dasar Keluarga Selamat Pulau Pinang membolehkan langkah yang lebih komprehensif dan sistematik dapat ditumpukan kepada :

- a) Membentuk sistem sokongan yang merangkumi agensi kerajaan negeri serta persekutuan, komuniti, pertubuhan agama, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan sebagainya untuk menangani keganasan rumah tangga di Pulau Pinang dengan berkesan;

- b) Membentuk *first support system* yang melibatkan penglibatan agensi kerajaan negeri serta persekutuan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan di Pulau Pinang bagi memberikan bantuan segera kepada mangsa keganasan rumah tangga;
- c) Menyediakan premis atau tempat perlindungan sementara yang selamat dan bantuan asas kepada mangsa keganasan rumah tangga sebelum agensi berkuasa memberikan bantuan dari segi perundangan; dan
- d) Meningkatkan kesejahteraan keluarga dengan menyediakan persekitaran bebas keganasan di semua rumah di Pulau Pinang.



## 3.0 PRINSIP DASAR KELUARGA SELAMAT PULAU PINANG

### Penang2030

- a) Dasar Keluarga Selamat menepati aspirasi Penang2030 yang memperkasakan penglibatan rakyat Pulau Pinang dalam menyediakan sistem sokongan bagi menangani keganasan rumah tangga dalam membentuk keluarga sejahtera.




## 4.0 TERAS STRATEGIK DASAR KELUARGA SELAMAT PULAU PINANG

- a) Meningkatkan komitmen dan penglibatan semua pihak dalam menangani keganasan rumah tangga di Pulau Pinang secara menyeluruh; dan

Menyediakan latihan dan kemahiran kepada semua pihak terlibat agar dapat memainkan peranan dengan lebih berkesan dalam menangani keganasan rumah tangga di Pulau Pinang.

## 5.0 STRATEGI PELAKSANAAN DASAR KELUARGA SELAMAT PULAU PINANG

- a) **Membentuk *First Support Point* melibatkan agensi kerajaan negeri dan persekutuan.**
  - i) Menjadikan semua kaunter agensi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan di Pulau Pinang sebagai *first support point* untuk mangsa keganasan rumah tangga. Menyediakan latihan dan garis panduan bagi semua agensi kerajaan untuk memastikan semua pegawai memiliki kemahiran yang relevan bagi memainkan peranan sebagai *first support point*; dan



ii) *First support point* ini juga diwujudkan bagi membantu agensi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan yang berkaitan serta menyebarkan maklumat dan analisis tentang nilai-nilai keluarga yang selamat dan sejahtera serta langkah-langkah yang boleh diambil oleh orang perseorangan atau sesuatu pihak bagi membantu mangsa yang berhadapan perkara yang dikelaskan sebagai ancaman kepada keselamatan keluarga.

**b) Menyediakan premis atau tempat perlindungan sementara untuk mangsa keganasan rumah tangga.**

Bekerjasama dengan pertubuhan agama, hotel dan sebagainya untuk menyediakan premis atau tempat perlindungan sementara yang selamat kepada mangsa keganasan rumah tangga. Menyediakan latihan dan garis panduan untuk melengkapkan pertubuhan yang bersetuju berperanan sebagai *first support point*.

**c) Menambahbaik kursus pra perkahwinan melibatkan semua penganut agama di Pulau Pinang.**

Menambahbaik kursus pra perkahwinan dengan menambah modul mengenai keganasan rumah tangga bagi memberikan pengetahuan dan kesedaran kepada bakal pasangan mengenai implikasi keganasan rumah tangga dan sistem sokongan di Pulau Pinang.



## 6.0 PENUTUP

Dasar Keluarga Selamat Pulau Pinang menggalakkan penyertaan agensi kerajaan, pertubuhan agama, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan sebagainya untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk menangani keganasan rumah tangga dalam membentuk keluarga sejahtera selaras dengan aspirasi **Penang2030**.

PENANG  
2030





## KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

